

## Pilihan Dana

	Dana Teras			Dana Bukan Teras		
	AIA PAM - Growth Fund	AIA PAM - Moderate Fund	AIA PAM - Conservative Fund	AIA PAM - Islamic Moderate Fund	AIA PAM - Global Islamic Growth Fund	AIA PAM - Dynamic Asia Ex-Japan
Jenis Dana	Pertumbuhan	Sederhana	Konservatif	Sederhana	Pertumbuhan	Aset Campuran
Sasaran Pelabur	Bawah 45	45 hingga 54	55 & ke atas	Pelabur memilih untuk keperluan syariah	Pelabur memilih untuk keperluan Syariah dengan pendedahan global	Pelabur yang memilih untuk menjana pertumbuhan modal melalui pelaburan yang berpusat di pasaran Asia secara dominannya
Peruntukan Aset dan Strategi	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Sehingga 65% daripada NAB dalam ekuiti</li> <li>•Sekurang-kurangnya 35% daripada NAB dana dalam instrument pendapatan tetap tempatan</li> <li>•Akan melabur di pasaran tempatan dan luar negara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Sehingga 65% daripada NAB dalam ekuiti</li> <li>•Sekurang-kurangnya 35% daripada NAB dana dalam instrument pendapatan tetap tempatan</li> <li>•Akan melabur di pasaran tempatan dan luar negara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Sekurang-kurangnya 70% daripada NAB dana dalam instrument pendapatan tetap dan instrument pasaran wang, dengan sekurang-kurangnya 10% daripada NAB dana akan dilaburkan dalam instrument pasaran wang</li> <li>•Baki NAB akan dilaburkan di dalam ekuiti dan skim pelaburan terkumpul</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Sekurang-kurangnya 40% daripada dan maksimum 60% daripada NAB dana dalam ekuiti patuh syariah</li> <li>•Sekurang-kurangnya 40% daripada NAB dana dalam pasaran wang Islam</li> <li>•Dana hanya akan melabur di dalam Negara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Sekurang-kurangnya 60% to 90% daripada NAB dana dalam ekuiti patuh Syariah termasuk skim pelaburan terkumpul Islamik</li> <li>•Sekurang-kurangnya 10% daripada NAB dana dalam Sukuk, deposit Islamik dan/ atau instrument pasaran wang Islamik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Sehingga 80% daripada NAB akan dilaburkan dalam ekuiti &amp; Skim Pelaburan Kolektif; dan</li> <li>•Sekurang-kurangnya 20% daripada dana NAB dalam instrument pendapatan tetap seperti debentur, instrument pasaran wang dan deposit di Institusi Kewangan</li> </ul>
Caruman permulaan min	RM100					
Caruman tambahan min	RM100					
Caj jualan	Sehingga 3% daripada NAB seunit					
Yuran tahunan pengurusan	Sehingga 1.5% setahun daripada NAB dana					Sehingga 1.80% setahun daripada NAB dana

Jika pelabur tidak memilih dana di bawah skim persaraan swasta, maka caruman pelabur akan diperuntukkan secara automatik ke dalam dana teras berdasarkan umur mereka.

### Penafian

Risalah ini adalah sebuah iklan. Iklan ini tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti ("SC") Malaysia dan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia ("FIMM"). SC dan FIMM tidak bertanggungjawab dan tiada kaitan dengan iklan ini dalam apa cara sekalipun. SC dan FIMM tidak bertanggungjawab terhadap kandungan dan tidak membuat sebarang kenyataan tentang ketepatan atau kelengkapan iklan ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya. Salinan Dokumen Pendedahan Gantian bertarikh 9 Disember 2016, Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Pertama bertarikh 26 Januari 2018, Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Kedua bertarikh 11 Mei 2018, Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Ketiga bertarikh 30 Julai 2018, Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Keempat bertarikh 19 Oktober 2018, Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Kelima bertarikh 18 Januari 2019, Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Keenam bertarikh 15 April 2019, Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Ketujuh bertarikh 24 Ogos 2019 dan Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Kelapan bertarikh 14 Februari 2020, Dokumen Pendedahan Gantian Tambahan Kesembilan bertarikh 30 Ogos 2023 (secara bersama dirujuk sebagai "Dokumen Pendedahan") dan Lembaran Keterangan Produk ("PHS") telah didaftarkan dan diserahkan kepada SC. Pendaftaran Dokumen Pendedahan dan serah simpan PHS kepada SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC mengesyorkan atau menyokong Skim Persaraan Swasta ("PRS"). PHS yang memaparkan ciri-ciri dan risiko utama PRS boleh diperolehi dan pelabur berhak untuk meminta PHS dan Dokumen Pendedahan daripada pejabat, pengedar sah, perunding atau wakil kami. Pelabur disarankan untuk mendapatkan, membaca dan memahami Dokumen Pendedahan dan PHS sebelum membuat sumbangan. Kami mencadangkan agar anda membuat perbandingan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terlibat sebelum membuat sumbangan. Sebarang penerbitan unit yang berkaitan dengan Dokumen Pendedahan hanya akan dibuat selepas menerima borang permohonan yang dirujuk dan disertakan dengan satu Salinan Dokumen Pendedahan. Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, berkemungkinan menurun dan juga menaik. Prestasi masa lalu PRS tidak harus dianggap sebagai petunjuk/ indikator prestasinya pada masa hadapan. Risiko khusus dan risiko am bagi PRS diterangkan di dalam Dokumen Pendedahan. Pelabur dinasihatkan untuk memahami risiko yang terlibat dalam PRS dan membuat penilaian risiko masing-masing serta mendapatkan nasihat profesional, jika perlu.

**AIA Pension and Asset Management Sdn. Bhd.** 201201027147 (1011637-P)  
Level 10, Menara AIA,  
99 Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.

Care Line : 1300 22 7771  
F : 03-2056 1091

AIA-PRS.COM.MY

**Deutsche Trustees Malaysia Berhad** 200701005591 (763590-H)  
Level 20, Menara IMC,  
8, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.

T : 03-2053 7522  
F : 03-2053 7526



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



Risalah ini mengandungi penerangan ringkas produk dan tidak menyeluruh. Untuk penjelasan terperinci mengenai skim, risiko, terma dan syarat, sila rujuk kepada Dokumen Pendedahan Kedua bertarikh 23 Februari 2021 dan Dokumen-Dokumen Tambahannya (jika ada).

AIA Pension dan Asset Management Sdn. Bhd. telah dipilih sebagai salah satu penyedia Private Retirement Scheme (PRS) yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

EBS/3042/0221

## PERSARAAN

AIA Skim Persaraan Swasta

# PERANCANGAN LEBIH TELITI DEMI MASA DEPAN LEBIH CERAH



Ramai daripada kalangan kita yang bersara tanpa membuat sebarang perancangan mahupun mengetahui apa yang sepatutnya mereka jangkakan, dan apabila mereka menyedarinya ia sudah terlambat. Untuk menikmati gaya hidup seperti yang anda impikan ketika bersara nanti, anda perlu bersedia. Sama ada anda ingin menikmati kehidupan bebas yang santai mahupun gaya hidup mewah yang selesa, anda perlu merancang untuk persaraan anda dari sekarang.


## Perkara penting yang perlu anda ketahui

- Kajian menunjukkan bahawa warga emas di Malaysia bergantung kepada Caruman Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai sumber utama pendapatan mereka ketika bersara nanti.
- Purata simpanan ahli pada usia 54 tahun hanya mencapai sejumlah RM227,861 iaitu RM949 setiap bulan sekiranya ahli tersebut hidup selama 20 tahun lagi.  
(sumber: Laporan Tahunan KWSP 2019)
- RM949 yang anda miliki hari ini akan hanya bernilai RM626 dalam tempoh 10 tahun akan datang ataupun RM432 dalam tempoh 20 tahun akan datang; dengan anggaran kadar inflasi tahunan sebanyak 2.1%<sup>1</sup>.

## Kesan inflasi

Walaupun kita tidak mengetahui apa yang akan terjadi pada masa hadapan, satu perkara yang pasti – tahun demi tahun segala-galanya akan menjadi lebih mahal kerana inflasi. Kos sara hidup meningkat setiap tahun, dan kemungkinan simpanan anda tidak mencukupi untuk mengekalkan taraf hidup anda sekarang semasa persaraan anda.

Andaikan pendapatan anda ialah RM2,500 sebulan. Carta di bawah menunjukkan bagaimana kos sara hidup meningkat dari semasa ke semasa, dengan andaian kadar inflasi tahunan sebanyak 2.1%<sup>1</sup> setiap tahun. Dalam tempoh 50 tahun, jumlah yang anda perlukan akan bertambah kepada RM7,067 sebulan. Dan jangan lupa bahawa, kemungkinan anda tidak akan memperolehi pendapatan tetap ketika itu!



Untuk membiayai persaraan yang boleh bertahan selama 20 tahun atau lebih, anda perlu mula menabung untuk persaraan anda dari sekarang. Ingat, lebih awal anda bermula, lebih banyak masa yang anda ada untuk menabung!

Ada segelintir di kalangan kita yang berfikir kita sudah bersedia untuk bersara kerana kita mempunyai simpanan dalam KWSP. Tetapi adakah anda tahu bahawa statistik KWSP pada tahun 2019 bagi yang berumur 54 tahun menunjukkan:

- 54% ahli KWSP mempunyai simpanan RM50,000 dan ke bawah.
- Purata simpanan ahli KWSP yang berumur 54 tahun adalah dengan anggaran RM227,861.  
(Sumber: Laporan tahunan KWSP 2019)

Pada 1 Januari 2019, KWSP telah menyemak semula kuantum simpanan asas kepada RM240,000 adalah sebagai pendekatan untuk memastikan ahli-ahlinya mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi melebihi tahap kemiskinan di Malaysia. Oleh itu, rakyat Malaysia perlu bertindak segera untuk meningkatkan simpanan mereka.

## Adakah anda sudah bersedia untuk bersara?

Skim Persaraan Swasta (PRS) ialah mengenai:

**Persediaan hari tua anda.** Anda tidak akan kekal muda selama-lamanya. Refleksi tabiat perberlanjaan diri anda. Adakah anda mampu untuk mengekalkan taraf hidup anda sekarang apabila anda sudah bersara nanti?  
**Simpanan.** Kebanyakan pesara tidak mampu untuk mengekalkan taraf hidup seperti yang mereka inginkan. Persaraan adalah untuk dinikmati bukan untuk dideratai.

PRS ialah satu skim pelaburan sukarela jangka panjang yang direka untuk membantu individu membuat simpanan untuk persaraan. Skim ini saling melengkapi caruman mandatori yang dibuat kepada KWSP.

Ahli-ahli yang mencarum kepada skim PRS akan mempunyai pilihan untuk memilih daripada pelbagai jenis dana untuk membuat pelaburan, berdasarkan keperluan persaraan, matlamat dan keupayaan mereka menghadapi risiko.

Individu atau majikan ( mencarum bagi pihak pekerja) boleh mengambil bahagian sebagai pencarum PRS.

## AIA Skim Persaraan Swasta (PRS)

Penyelesaian persaraan terpilih

### Kelebihan AIA Skim Persaraan Swasta (PRS)

#### JANGKA PANJANG



Skim pelaburan jangka panjang untuk membantu anda menyimpan untuk persaraan

#### PELEPASAN CUKAI



Pelepasan cukai individu sehingga RM3,000 setiap tahun taksiran  
(hanya sah dari 2012-2025)

#### FLEKSIBILITI



Fleksibiliti untuk melabur mengikut kehendak anda; tiada jumlah atau selang masa yang tetap (dengan jumlah minimum RM100)

#### PENGELUARAN



Pilihan pendapatan fleksibel apabila bersara

## Mengapa AIA PRS?

AIA Pension and Asset Management Sdn. Bhd. (APAM) ialah penyedia Skim Persaraan Swasta (PRS) AIA, sebuah skim pencen yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

APAM adalah anak syarikat AIA Bhd., sebuah syarikat insurans terkemuka yang telah beroperasi di Malaysia selama lebih 70 tahun. AIA Bhd., sebahagian daripada AIA Group, merupakan kumpulan insurans hayat pan-Asia yang tersenarai awam terbesar dan bebas, beroperasi di 18 pasaran di rantau Asia Pasifik.

Keupayaan kami untuk memanfaatkan kepakaran dan kefahaman serantau yang ditawarkan oleh AIA Group, serta berbekalkan pengalaman kukuh kami dalam menguruskan skim-skim persaraan, telah meningkatkan aset di bawah pengurusan kami kepada RM819 juta pada akhir Disember 2020.


Kami merupakan pakar pelaburan jangka panjang, yang menawarkan pelbagai pilihan dana konvensional dan dana patuh syariah yang bukan sahaja melengkapi rangkaian produk AIA yang komprehensif malah menyediakan penyelesaian perancangan hayat yang dapat memenuhi keperluan simpanan persaraan pelanggan kami.

## Pilihan Pengeluaran

Anda mempunyai beberapa pilihan pengeluaran selepas persaraan. Anda boleh menukar pengaturan pilihan pengeluaran anda (Antara Pilihan A dan B) atau mengeluarkan semua baki aset anda mengikut keperluan anda, memberikan anda fleksibiliti yang maksimum.


### Pilihan A: Jumlah Tetap

Pengeluaran bulanan atau tahunan akan ditetapkan pada jumlah tertentu sehingga semua aset PRS habis dikeluarkan. (Untuk pengeluaran bulanan tetap, jumlah pengeluaran minimum ialah RM100 dalam gandaan RM100).



### Pilihan B: Tempoh Tetap

Pengeluaran bulanan atau tahunan untuk tempoh tetap ( untuk dipilih oleh ahli-pilihan 5,10,15 atau 20 tahun) dan jumlah pengeluaran bagi setiap tahun akan dikira berdasarkan baki aset dan tempoh pengeluaran yang dipilih.



<sup>1</sup> Kadar yang digunakan dalam contoh ini adalah berdasarkan kadar inflasi purata sebenar Malaysia dari tahun 2010 hingga 2019 dan ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.